

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI
NEGERI SEMBILAN TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan, dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran telah ditandatangani pada 30 Jun 2022.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2021 adalah stabil berdasarkan Kedudukan Kewangan Tahun 2021.
- b. Kutipan hasil pada tahun 2021 menurun sebanyak RM50.44 juta atau 11.3% menjadi RM397.44 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan (mengurus dan pembangunan) meningkat sebanyak RM27.65 juta atau 5.4% menjadi RM540.25 juta pada tahun 2021 berbanding RM512.60 juta pada tahun 2020.
- c. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan defisit semasa berjumlah RM100.07 juta. Defisit pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM57.94 juta berbanding defisit RM42.13 juta pada tahun 2020.
- d. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan penurunan sebanyak RM50.93 juta atau 12.4% menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM359.06 juta berbanding RM409.99 juta pada tahun 2020. Akaun

Pinjaman Disatukan pada tahun 2020 dan 2021 berbaki sifar. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM733.63 juta, iaitu menurun sebanyak RM151 juta (17.1%) berbanding RM884.63 juta pada akhir tahun 2020.

- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM5.07 juta atau 11.1% daripada RM45.73 juta pada tahun 2020 kepada RM40.66 juta pada tahun 2021. Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM1.66 juta atau 0.2% menjadi RM927.53 juta berbanding RM929.19 juta pada tahun 2020. Jumlah pelaburan bagi tahun 2020 dan 2021 adalah tidak berubah iaitu sejumlah RM47.72 juta.

1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 14 agensi negeri yang terdiri daripada enam Badan Berkanun Negeri (BBN), tujuh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan satu Majlis Agama Islam (MAI).
- b. Kesemua enam BBN dan tujuh PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Tiga daripada 14 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 31 Mac 2022. Manakala 11 Agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan setelah mendapat kelulusan penganjutan tempoh sehingga 15 Jun 2022 daripada Pegawai Kewangan Negeri Sembilan.
- c. Setakat 31 Ogos 2022, hanya 10 penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan. Sebanyak lapan penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan; Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan; Perbadanan NS; Lembaga Muzium Negeri Sembilan; Majlis Bandaraya Seremban; Majlis Perbandaran Jempol; Majlis Daerah Rembau; dan Majlis Daerah Tampin. Manakala satu penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara iaitu Majlis Daerah Kuala Pilah dan satu penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Berteguran iaitu Majlis Daerah Jelebu. Bagaimanapun, dua penyata kewangan BBN, satu penyata kewangan PBT dan satu MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan.

- d. Sebanyak 14 penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan pada 26 November 2021 manakala penyata kewangan Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak enam syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Empat syor kepada Kerajaan Negeri Sembilan dan dua syor kepada agensi negeri.